

Urus perubahaan ikut Islam — Dr. M

Um-15/3/2014
Pg. 5

KUALA LUMPUR 14 Mac — Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa umat Islam di seluruh dunia supaya menerima dan mengurus perubahan mengikut peredaran masa bagi memelihara fundamental Islam.

“Segala-galanya berubah mengikut peredaran masa. Kita boleh menentang perubahan, menjadi ortodoks dan konservatif tetapi kita tidak boleh menolak perubahan selama-lamanya.

“Kita boleh sama ada untuk menerima perubahan yang datang atau kita boleh mengubahsuainya. Sudah tentu kita sendiri juga boleh melakukan perubahan. Apa juga yang kita lakukan perubahan tetap akan berlaku,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucap tama bertajuk *Dinamik Perubahan - Pengalaman Malaysia* pada

Persidangan Advista Arabia VI di Jeddah. Teks ucapannya difaksikan kepada *Bernama* di sini hari ini.

Dr. Mahathir turut melahirkan rasa kesal terhadap sebilangan umat Islam yang menolak perubahan bagi memastikan mereka kekal seperti sedia ada atau dalam keadaan seperti yang mereka sangkakan sebelum ini.

Beliau berkata di Malaysia, peratusan umat Islam menurun daripada 99 peratus kepada 60 peratus tetapi mereka tidak mengubah suai atau mengurus perubahan yang dibawa oleh penjajah Barat (British).

Umat Islam, katanya yang enggan menyesuaikan diri dengan perkembangan keperluan pihak penjajah, telah mengundur dan mengasingkan diri serta dipinggirkan memandangkan kebanjiran pendatang dari China dan India memenuhi keperluan sebuah negara yang

dibangunkan oleh British kerana kekayaannya.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir berkata walaupun umat Islam merupakan majoriti kecil di Malaysia, mereka masih merupakan elemen politik paling berkuasa dengan mendapat kerjasama daripada kaum-kaum lain.

Bagaimanapun, katanya, di sebalik kerjasama antara pelbagai kaum, sistem kerajaan masih perlu diubah kerana Malaysia tidak dapat kembali kepada sistem feodal prapenjah di mana sembilan Sultan memerintah negeri kecil masing-masing.

Dalam menyelesaikan perkara itu, beliau berkata sebuah perlembagaan yang memperuntukkan demokrasi berparlimen dengan raja berperlembagaan (bukan eksekutif) dan bukan sebuah republik, telah digubal. — *Bernama*